



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

PUSAT KOMUNITI BAHARU INISIATIF MENSEJAHTERAKAN KOMUNITI SETIAWANGSA

KUALA LUMPUR, 25 Februari 2018 – Kenduri 1Wilayah Persekutuan (1WP) Peringkat Parlimen Setiawangsa yang diadakan di Pusat Komuniti Setiawangsa dihadiri kira-kira 3,000 orang warga kota, Kuala Lumpur. Program ini disempurnakan oleh YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan Bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan. Kenduri 1WP merupakan satu platform bagi memperkukuhkan persefahaman dan perpaduan sesama warga kota bagi menjamin keharmonian khususnya buat komuniti di Setiawangsa.

Program yang diadakan bersempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) 2018 ini merupakan program yang paling mendapat kerjasama dan penglibatan yang tinggi daripada masyarakat setempat. SHWP 2018 masih mengekalkan tema “Wilayah Ceria, Rakyat Sejahtera” kerana dilihat dapat memberi impak yang positif kepada semua warga Wilayah Persekutuan terutamanya dari aspek meningkatkan kesejahteraan kehidupan rakyat serta menambahkan semangat kebersamaan dan keharmonian dalam kalangan warganya.

Pelbagai inisiatif diambil oleh kerajaan bagi memastikan komuniti di Parlimen Setiawangsa mendapat keselesaan yang optimum. Antaranya adalah pembukaan pusat komuniti berkeluasan 13,731 meter persegi yang mempunyai sebuah dewan serbaguna berhawa dingin dan boleh memuatkan 850 orang pada satu-satu masa. Pusat komuniti ini juga mempunyai 3 buah gelanggang badminton, tadika dan perpustakaan, bilik warga emas, bilik-bilik aktiviti, dan surau. Kemudahan rekreasi seperti trek jogging dan taman permainan kanak-kanak juga turut disediakan di bahagian luar dewan.

Bagi membantu mengurangkan masalah tempat meletak kenderaan di Perumahan Awam (PA) Desa Rejang, penyediaan parkir 8 tingkat akan disediakan sepenuhnya Jun ini dengan kapasiti sebanyak 667 kenderaan dalam satu masa. Ianya terletak berdekatan PA Desa Rejang. Turut disediakan gelanggang futsal yang terletak di atas parkir bertingkat tersebut bagi memberikan kemudahan rekreasi kepada penduduk sekitarnya. Parkir bertingkat Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kampung Baru Air Panas juga telah 78% hampir siap dan dijangka akan dirasmikan pada tahun ini juga. Parkir sebanyak 8 tingkat ini, mempunyai kapasiti memuatkan sebanyak 572 kenderaan dalam satu masa dan terletak berdekatan PPR Kampung Baru Air Panas.

Kerajaan juga mengambil inisiatif mengecat bangunan Projek Perumahan Rakyat (PPR), Perumahan Awam (PA) dan Rumah Pangsa Kos Rendah (KRS) di parlimen Setiawangsa. Sebanyak 12 buah blok PPR dan 59 buah blok KRS telah siap sepenuhnya. Inisiatif- inisiatif yang telah dibuat ini membuktikan komited kerajaan dalam memastikan rakyat terutama komuniti di Setiawangsa untuk sentiasa mendapat perkhidmatan yang terbaik.

Semua inisiatif yang dibuat ini adalah tanda keprihatinan kerajaan di dalam memastikan penduduk di Parlimen Setiawangsa mendapat kemudahan dan keselesaan persekitaran yang lebih kondusif. Sebanyak 35 program sempena SHWP telah disusun sepanjang bulan Februari ini yang merangkumi pelbagai lapisan masyarakat dari golongan kanak-kanak, remaja, belia dan juga dewasa. Ini termasuk program-program bersifat sukan dan rekreasi serta program tanggungjawab sosial masyarakat.

**Disediakan oleh
Bahagian Komunikasi Korporat
Kementerian Wilayah Persekutuan**